



Ahmad Zubaidi (depan; tengah) bergambar bersama wakil UniSZA yang memenangi pingat.

UniSZA raih 28 pingat emas

KUALA NERUS - Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) meraih 28 pingat emas pada Karnival e-Pembelajaran UniSZA (UniCeL) 2018, di sini.

Karnival disertai warga akademik, penyelidik serta pelajar dari seluruh negara itu turut menyaksikan sebanyak 90 produk berkaitan inovasi Pembelajaran dan Pengajaran (PdP) dipamerkan.

Naib Canselor UniSZA, Prof Datuk Dr Ahmad Zubaidi Abdul Latif berkata, karnival edisi kedua diadakan adalah untuk memberi pendedahan, mengetengahkan serta mempamerkan hasil inovasi berfokuskan PdP kepada komuniti.

"Penyertaan dari seluruh institusi serta sekolah berkenaan produk e-pembelajaran mereka ini dinilai untuk dipilih sebagai produk inovasi terbaik yang akan

dipertandingkan ke peringkat seterusnya.

"Saya berharap agar UniCeL 2018 ini memberi manfaat kepada semua terutamanya warga UniSZA untuk lebih aktif berkarya serta berinovasi dalam PdP serta mengetengahkan hasil penyelidikan dan inovasi di peringkat lebih tinggi," katanya kepada *Sinar Harian*.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Perasmian UniCeL 2018, Dewan Al Muktafi Billah Shah, UniSZA Kampus Gong Badak, di sini.

Hadir sama, Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Prof Dr Mahadzirah Mohamad dan Pengarah Pusat Kualiti Akademik dan e-Pembelajaran (AQeL), Dr Sharifah Wajihah Wafa Syed Saadun Tarek Wafa.